

## **041 PENGARUH BAHASA ARAB DALAM PERSOALAN KHILAFIAH**

**Mohd Mustaffa bin Jusoh @ Yusoff, Dr Wan Abdul Fattahbin Ismail,**

**Zainuddin bin Che' Seman**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor.

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

### **ABSTRAK**

Tanggung jawab bagi setiap muslim untuk memahami tuntutan Syariah dan mengamalkannya tanpa mengira darjat, rupa, bahasa dan faktor logistik, dan bahasa Arab adalah medium yang asas dan diakui keperluannya di kalangan sarjana Islam, lantaran sumber utama pensyariatan Islam datang dalam bahasa Arab. Para ulama' dilihat sering berbeza pendapat dalam banyak permasalahan cabang syariah walaupun sumber pensyariatan adalah al-Quran, sunnah dan ijma', dan antara faktor perbezaan pendapat dan hujah mereka adalah berkisar kepada pemahaman dan pengertian nas syariat yang bersandarkan kepada perbahasan bahasa Arab. Bentuk kajian ini adalah kajian perpustakaan dengan mengkaji perbahasan perbezaan atau khilafiah di dalam teks-teks disiplin syariah seperti fiqh muqarin, usul fiqh dan kajian-kajian terdahulu, untuk mengenalpasti perbezaan pendapat tersebut dan kesan pemahaman bahasa Arab di dalamnya, tujuannya adalah untuk memahami hubungan antara syariat dan bahasa Arab. Hasilnya melihat keperluan penekanan bahasa Arab dalam mempelajari dan kaedah pengajaran yang berkesan perlu difikirkan demi kelangsungan syariat Islam.

### **PENDAHULUAN**

Para ulama' salafussoleh mendapati bahawa di dalam pensyariatan Islam yang diturunkan Allah itu sebenarnya terkandung maksud dan tujuan yang begitu penting dan bermakna dalam konteks kehidupan, dan ianya tidak akan dapat dilihat dengan mudah dan jelas melainkan setelah konsep yang di tunjangi bahasa Arab yang asal dapat difahami dan dihayati, ini lantaran gaya penyampaian Al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. yang merupakan sumber utamanya adalah

mengikuti aliran dan uslub bahasa arab yang penuh metafora dan pramasastera balaghah. Aspek bahasa yang begitu penting ini menjadikan mereka untuk menekankan kepentingan dalam mempelajari bahasa arab dan mendalaminya sebagai satu silibus yang penting dan manhaj ini menjadi ikutan para ilmuwan Islam sejak zaman berzaman, sehingga pernah selama dua abad bahasa Arab telah diperakukan sebagai bahasa perhubungan antarabangsa, bukan sekadar di kalangan negara arab seperti Mesir, Syam, Andalus dan Utara Afrika, bahkan di Persia, Asia Kecil dan Babylon.

Bertolak dari itulah maka terbinanya hubungan yang erat di antara bahasa Arab dan aspek perbahasan dan kajian yang berkaitan dengannya di dalam Syariah Islam. Perkara ini jelas dilihat ketika keperluan yang ketara dalam memahami interpretasi teks-teks syar'ie terutamanya yang datang dari sumber Al-Quran semasa prosedur pengeluaran dan pembinaan hukum syariat seperti perundangan fiqh. Al-Quran sendiri tampil menjelaskan kepentingan bahasa Arab seperti firman Allah dalam beberapa turutan ayat seperti berikut:

﴿ إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴾

maksudnya: “Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab itu sebagai Quran Yang dibaca Dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya.” (Al-Quran, surah 12 Yusuf ayat 2).

﴿ بِلِسَانٍ عَرَبِيٍّ مُبِينٍ ﴾

maksudnya: (dan adalah ia diturunkan) Dengan bahasa Arab Yang fasih serta terang nyata”. (Al-Quran surah 26 as-Syu'araa ayat 195)

﴿ لِسَانُ الَّذِي يُلْحِدُونَ إِلَيْهِ أَعْجَمِيٌّ وَهَذَا لِسَانٌ عَرَبِيٌّ مُبِينٌ ﴾

maksudnya: “(maka adapun)) bahasa orang yang mereka sandarkan tuduhan itu ialah bahasa asing, sedang Al-Quran ini berbahasa Arab Yang fasih nyata. (Al-Quran surah 16 an-Nahl ayat 103)

﴿ وَلَوْ جَعَلْنَاهُ قُرْآنًا أَعْجَمِيًّا لَقَالُوا لَوْلَا فُصِّلَتْ آيَاتُهُ ۖ أَعْجَمِيٌّ وَعَرَبِيٌّ ۗ قُلْ هُوَ لِلَّذِينَ

﴿ آمَنُوا هُدًى وَشِفَاءٌ ۗ

maksudnya: “dan kalaulah Al-Quran itu Kami jadikan (bacaan) Dalam bahasa asing, tentulah mereka akan berkata: "Mengapa tidak dijelaskan ayat-ayatNya (dalam bahasa Yang Kami fahami)? Patutkah Kitab itu berbahasa asing sedang Rasul Yang membawanya berbangsa Arab?" Katakanlah (Wahai Muhammad): "Al-Quran itu, menjadi (cahaya) petunjuk serta penawar bagi orang-orang Yang beriman”. (Al-Quran surah 41 Fushilat ayat 44)

## KEPRIHATINAN PARA ULAMA’ DALAM MEMAHAMI BAHASA ARAB

Para sarjana Islam yang mendepani disiplin ilmu usul fiqh jelas begitu menekankan akan kepentingan bahasa Arab dalam konteks kajian dan perbahasan yang merangkumi permasalahan lafaz-lafaz yang menuntut pemahaman yang teliti dalam pengertiannya berdasarkan skop penggunaan di dalam bahasa Arab, antaranya seperti perbahasan pemahaman teks ( المعاني والدلالة ), struktur ayat (تركيب الجمل), pemahaman perintah dan larangan (الأمر والنهي), elemen umum dan khusus (العام والخاص), kosa kata yang menunjukkan makna mutlak atau kaitan pada makna (المطلق والمقيّد) dan perkataan yang mengandungi pelbagai makna mengikut situasi penggunaan (المشترك) dan elemen-elemen yang mempengaruhi petunjuk pemahamannya (سياق الكلام).

Imam As-Syafei dalam kitabnya ar-Risalah menulis,

“إنما خاطب الله بكتابه العرب بلسانها، على ما تعرف من معانيها وكان مما تعرف من معانيها اتساع لسانها وأن فطرته أن يخاطب بالشيء منه عاماً ظاهراً يراد به العام الظاهر ويستغني بأول هذا منه عن آخره، وعماماً يراد العام ويدخله الخاص فيستدل على هذا ببعض ما خوطب به فيه، وعماماً ظاهراً يراد به الخاص وظاهراً يعرف في سياقه أنه يراد به غير ظاهره، فكل هذا موجود علمه في أول الكلام أو وسطه أو آخره”.

“Sesungguhnya Allah di dalam kitab Nya berbicara kepada bangsa Arab dengan bahasa mereka sendiri, mengikut kefahaman dan pengertian, dan pemahaman bahasa Arab itu begitu meluas, ada ketikanya Allah berbicara dengan menggunakan ayat yang membawa pengertian yang umum pada perkataan yang digunakan itu dan difahami dalam bentuk yang zahir maknanya, dan perkataan yang sama mungkin berbeza member makna yang berbeza dalam bicara Nya yang lain. Ada ayat-ayat yang bersifat umum, yang pada asalnya membawa makna umum, kemudian menjadi khusus apabila disandarkan kepada ayat yang lain, ada ketikanya ayat yang umum

member makna umum dan ada pula ayat umum yang membawa pengertian khusus berdasarkan pemahaman dan latarbelakang situasi yang mengikat sebab penurunannya dan setiap pengetahuan yang member petunjuk pemahaman dan pengertian setiap ayat ini terkandung samada di permulaan, pertengahan atau penghujung al-kalam (al-Quran)”<sup>1</sup>.

Sementara Imam a-Syaathiby رحمه الله dalam menerangkan berkenaan tujuan pensyariatian (مقاصد (الشارع) menulis:

"أن هذه الشريعة المباركة عربية لا مدخل فيها لألسن العجم وهذا وإن كان مبنياً في أصول الفقه، وأن القرآن ليس فيه كلمة أعجمية عند جماعة الأصوليين أو فيه ألفاظ أعجمية تكلمت بها العرب وجاء القرآن على وفق ذلك فجاء فيه المعرب الذي ليس من أصل كلامها".

“Sesungguhnya syariat yang diberkati ini diturunkan di dalam bahasa arab, tiada ruang untuk bahasa asing masuk ke dalamnya, Kalangan ulama’ usul fiqh melihat tiada perkataan di dalam al-Quran selain bahasa Arab, dan sekiranya ada yang asalnya bukan dari perkataan Arab tapi dipertuturkan oleh orang arab dan tidak bersalahan dengan al-Quran maka jadilah ianya sebahagian dari perkataan yang diarabkan”<sup>2</sup>.

## KAEDAH PEMAHAMAN BERASASKAN BAHASA ARAB

Maka para sarjana Islam dalam usaha menyampaikan kefahaman hukum yang terbina tidak memada hanya dengan menerangkan natijah hukum yang terbina hasil dari pengamatan dan pemahaman petunjuk yang diperolehi, bahkan mereka berusaha menyusun kaedah khusus yang membantu menjelaskan praktikal hukum yang terbina berasaskan signifikasi dan justifikasi yang didapati dari pengamatan dan penyelidikan para ulama’ Islam<sup>3</sup>.

Contohnya seperti mengenalpasti elemen yang memberi justifikasi qiyas (القياس), signifikasi dalam pemilihan makna yang tepat dalam perkataan yang berkonsi makna (المشترك), kesan petunjuk di dalam nas yang difahami apabila terdapat huruf-huruf sendikata tertentu yang menghubungkan ayat-ayat di dalamnya seperti (الواو), (الباء) dan (من) dan sebagainya, berdasarkan

<sup>1</sup> As-Syafie’ , *ar-Risalah*: ms. 52-53.

<sup>2</sup> As-Syathiby, *al-muwafaqat*: ms. 64-66/2

<sup>3</sup> Al-Gazaly, *al-musyasyfa*: ms.392/2.

justifikasi dan signifikasi yang dilihat oleh para sarjana sebagai sandaran dalam perbincangannya.

Dalam manhaj interaksi ulama' usul contohnya, dengan teks-teks syar'ie yang melibatkan aspek bahasa, mereka menggunakan sepenuhnya aplikasi bahasa Arab dan proses implementasi yang ber sandarkan yuhujah hasil dari sudut penelitian petunjuk, justifikasi pemahaman, perbandingan, penyaringan dan pentarjihan, serta signifikasi yang boleh dibuktikan daripadanya<sup>4</sup>.

### Contoh Perbahasan Khilafiah

Antara contoh ketara perbezaan pendapat atau khilafiah yang terhasil dari kesan interpretasi bahasa Arab adalah seperti berikut:

1. Khilaf dalam menentukan keharusan dalam mentakwil sesetengah ayat mutasyabih (المتشابهات) yang menggambarkan sifat Allah s.w.t. seperti

a) perkataan tangan (يد) dalam surah al-Fath ayat 10: ﴿أَيْدِيهِمْ فَوْقَ اللَّهِ يَدُ﴾

b) perkataan wajah (وجهه) dalam surah ar-Rahman ayat 27: ﴿وَيَبْقَىٰ رَبِّكَ وَجْهٌ﴾ ;

titik khilafnya adalah interpretasi huruf (الواو) yang terletak di antara perkataan (الله) dan

﴿وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ﴾ (الرَّاسِخُونَ)

golongan ulama' salaf melihat kedudukan huruf itu membawa maksud waqaf ibtida' (وقف الإبتداء)

yakni memisahkan ayat sebelumnya dan selepasnya dan membawa maksud hanya Allah sahaja

yang mengetahui akan pentakwilan mutasyabih dan golongan ulama khalaf yang melihat huruf itu

memberi maksud “dan” iaitu menyambung antara ayat sebelum dan selepasnya.

2. Khilaf dalam membasuh atau menyapu lembapan pada kaki semasa berwudhu' seperti firman Allah dalam surah al-Maidah ayat 6:

---

<sup>4</sup> ibid

﴿يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ﴾

dan titik khilafnya terletak pada huruf (الواو) yang terletak di permulaan ayat (وَأَرْجُلَكُمْ) samada ianya ;

- i. menyambungkan (عطف) dari ayat (فَاغْسِلُوا) maka dibaca dengan mansub dan hukumnya adalah dibasuh kedua kaki<sup>5</sup>.  
atau
- ii. sambungan dari ayat (اَمْسَحُوا) maka dibaca majrur dan hukumnya adalah disapukan lembapan kepada kedua kaki<sup>6</sup>.

Pendapat ulama' terbahagi kepada tiga iaitu<sup>7</sup>:

- a) jumhur yang terdiri dari mazhab yang empat menghukumkan kaki perlu dibasuh, pendapat ini juga bersandarkan kepada hadith-hadith yang sohih sanadnya seperti hadith riwayat ibnu abbas r.a.<sup>8</sup>
  - b) pendapat yang menghukumkan memadai dengan menyapu kaki semasa berwudhu', antara yang berpendapat sebegini adalah mazhab Syiah Imamiah dan Hassan al-Basri.
  - c) pendapat pertengahan yang mengharuskan pilihan (التخيير) di antara basuh dan sapu, sebagaimana yang dinukilkan dari Ibnu Abdul Bar
3. Khilaf dalam mentarjihkan perkataan yang berkongsi makna (المشترك) seperti firman Allah s.w.t. dalam ayat 228 surah al-Baqarah: ﴿وَالْمُطَلَّقَاتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ ثَلَاثَةَ قُرُوءٍ﴾ yang membahaskan tempoh kiraan 'iddah bagi seorang wanita yang belum putus haid yang diceraikan, dan titik khilafnya terletak pada kalimah (قُرُوءٍ) yang membawa pengertian suci (الطهر) atau haid (الحيض), maka terbahagi pendapat ulama' kepada dua iaitu:

<sup>5</sup> An-Nawawi, *al-Majmu'*, ms: 326-327.

<sup>6</sup> Ibn Hisham, *Mughni Labib*, ms: 118/2.

<sup>7</sup> Al-Jaziry, *Kutub al-Fiqh 'ala mazabih al-'arba'ah*, ms: 218/1.

<sup>8</sup> hadith riwayat Bukhary: (96) dan Muslim:(241).

- a) mazhab Syafieyyah, Malikiyah dan diriwayatkan juga dari Imam Ahmad yang mentarjihkan makna (قُرُوء) kepada suci (الطهر) maka hukum bermula 'iddah seorang wanita yang diceraikan tiga kali suci dari kitaran haidnya, yang diperkuatkan juga dengan sandaran nas yang lain.
  - b) mazhab Hanafiah yang mentarjihkan makna (قُرُوء) kepada haid (الحيض) maka hukum kiraan 'iddahnya bermula dari tiga kali datangnya haid, juga dengan sandaran nas yang lain.
4. Khilaf dalam pemahaman di sebalik makna nas, seperti definisi tangan (اليد) di dalam hukum menyapunya semasa bertayammum seperti yang dinyatakan dalam ayat 43, surah an-Nisaa'; ﴿ فَأَمْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ ﴾, dan titik khilafnya adalah had tangan yang perlu disapu semasa tayammum;
- i. adakah ianya dari hujung jari sehingga siku seperti yang dinyatakan dalam ayat wudhu' ﴿ وَأَيْدِيكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ ﴾<sup>9</sup>
  - ii. atau setakat pergelangan tangan seperti had tangan yang dipotong seperti hukum mencuri<sup>10</sup>.
- Para ulama' terbahagi kepada dua pendapat iaitu:
- a) mazhab Syafi'eyah yang menetapkan had tangan semasa tayammum ada sehingga ke siku kerana sebab dan hukum yang sama dengan wudhu'.
  - b) mazhab hanafiyah yang menetapkan had tangan semasa tayammum adalah setakat pergelangan tangan sahaja.

5. Khilaf tentang hukum berkahwin berdasarkan ayat 25, surah an-Nisaa';

﴿ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ مِنْكُمْ طَوْلًا أَنْ يَنْكِحَ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ فَمِنْ مَّا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ مِنَ فَتَيَاتِكُمُ الْمُؤْمِنَاتِ ﴾

dan titik khilaf di sini adalah hukum mengahwini hamba yang tidak beriman seperti majusi atau seumpamanya, berdasarkan pemahaman dari nas tersebut (المفهوم) dan ianya terbahagi kepada dua pendapat iaitu:

<sup>9</sup> surah al-Maidah, ayat: 6.

<sup>10</sup> surah al-Maidah, ayat: 38.

- a) mazhab jumhur menghukumkan tidak boleh mengahwini wanita hamba yang tidak beriman kerana jelas ayat ini menyatakan sifat beriman itu yang memberi petunjuk kepada menafikan hukum bagi pengertian yang kontra (مفهوم المخالفة) .
- b) mazhab Hanafiyah yang tidak menerima pakai kaedah menafikan hukum bagi pengertian yang kontra melihat keharusan mengahwini wanita hamba secara mutlak walaupun ianya tidak beriman kerana status hamba adalah seperti barangan yang boleh dimiliki.

### Beberapa contoh penulisan ulama' yang membincangkan Permasalahan Khilafiah

Didapati karya penulisan dikalangan para ulama' usul bagi mazhab Hanafiah dan Syafieyyah dalam masalah khilafiah lebih banyak berbanding mazhab yang lain, perkara ini mungkin didorong oleh faktor kesan aliran pemikiran yang sama di kalangan kedua-dua mazhab ini iaitu meletakkan aplikasi qiyas sebagai salah satu sumber utama dalam perbincangan masalah cabang dan syariat dan penggunaan aplikasi ijtihad dalam manhaj penelitian dan penyelidikan mereka.

Antara karya yang diketengahkan adalah seperti berikut;

1. karya ulama' hanafiy:

- a) اختلاف أبي حنيفة وابن أبي ليلى
- b) تأسيس النظر
- c) التعليقة في الخلاف
- d) كتاب الرد على سير الأوزاعي

2. karya ulama' Syafiey-

- a) تذكرة الخلاف لأبي إسحاق الشيرازي
- b) أحيلة العلماء في اختلاف الفقهاء والمستظهري لأبي بكر الشاشي الشافعي
- c) اختلاف الشافعي مع محمد بن الحسن
- d) اختلاف الشافعي مع مالك

### PENUTUP

Penulisan ini bertujuan untuk menekankan:

- 1.- kepentingan bahasa Arab dalam usaha untuk memahami teks dan sumber syariah Islam.



- 2.- proses pembelajaran dan kajian untuk memahami sumber pensyariaan tidak memada dengan membina keupayaan dalam menterjemah zahir nas syariah bahkan perlu memahami petunjuk dan bentuk pemahaman.
- 3.- mencari dan memikirkan kaedah pembelajaran bahasa Arab yang sesuai dalam usaha memahami nas pensyariaan dan teks-teks yang berkaitan, yang melibatkan manhaj tradisiona sedia ada atau pendekatan baru yang sesuai bagi umat Islam secara menyeluruh.
- 4.- mengenalpasti keperluan semasa yang berhubung kait antara pemahan Syariah Islam dan bahasa Arab bagi memastikan tanggungjawab kelangsungan Syariah Islam dan kefahaman yang mampan di kalangan umat Islam dan tidak mudah mempan dalam akidah dan pegangan.
- 5.- keunikan syariah Islam yang tidak tertakluk kepada hak milik dan status bangsa Arab semata-mata bahkan bersifat universal, bertepatan dengan firman Allah s.w.t.:

﴿ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَمُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴾<sup>11</sup>

maksudnya:

( Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang Yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan Yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya.)

- 6.- Petunjuk yang jelas bahawa masalah khilafiah bukanlah hasil dari logik akal dan rekaan citarasa bahkan bersandar kepada fakta hujah dan pemahaman yang kukuh,
- 7.- Perbezaan pendapat atau khilafiah dari perspektif pemahaman nas-nas syariah bukanlah perpecahan tapi lambing keunikan dan fleksibiliti yang terdapat di dalam agama Islam yang suci ini.

---

<sup>11</sup> Al-Quran, surah al-Hujuraat 49, ayat 13.